

Rencana

Perkasa integriti PBT elak persepsi dikaitkan rasuah

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan 9 Disember sebagai sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) bagi meningkatkan kesedaran bahaya jenayah rasuah dan kesan buruk sekiranya terus berlaku dalam ekosistem masyarakat.

Tema tahun ini, 'Bersama Memerangi Rasuah' diguna pakai oleh Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), manakala PBB mengutarkan 'Pulih dengan Integriti'. Di negara ini pula, kita menggunakan tema 'Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Perangi Pemberi Rasuah' yang diadakan serentak seluruh negara, hari ini.

Tema dipilih PBB menekankan langkah pencegahan rasuah berkesan dan signifikan hanya akan dapat dilakukan dengan usaha konsisten terhadap governans, integriti dan antirasuah. Pemulihian COVID-19 komprehensif dan inklusif pula hanya dapat dicapai dengan akauntabiliti tinggi serta penuh berintegriti.

Masyarakat sedar rasuah sebagai malapetaka terbesar, hasil tangan manusia dengan alasan payah diperangi dan sangat sukar dibantersa. Ia 'memaksa' orang miskin putus asa, sementara segelintir yang berkuasa semakin kaya dan lebih berkuasa.

Sogokan menghalang penjenayah secara terpilih daripada bertanggungjawab terhadap apa yang mereka lakukan. Mereka yang berkuasa tanpa segan silu menggunakan semua rantaian kronik sebaik sahaja masuk ke pejabat, penguat kuasa bersekongkol dengan pengedar dadah dan sesiapa sahaja yang berani melakukan pemerasan dilenyapkan atau terus menjadi 'misteri' yang hilang begitu sahaja.

Apakah kita sudah berjaya atau masih menggembung tenaga memerangi jenayah rasuah saban hari? Sebenarnya, aktiviti jenayah rasuah ketika krisis dan pandemik global COVID-19 pun tetap berlaku tanpa terkecuali.

Tidak mustahil semua negara mengambil langkah drastik mengatasi darurat kesihatan dan mengelak kejatuhan ekonomi global. Mereka dengan tergesa-gesa menggerakkan dana berbilion untuk mendapatkan peralatan perubatan dan menyediakan jaringan keselamatan ekonomi kepada warga serta peniaga dalam kesusahan.

Tidak mustahil semua negara akur, patuh dan bertanggungjawab terhadap peraturan perdagangan, pemantauan serta kawalan sistem pengurusan dalam bagi menghasilkan kesan transformasi tadbir urus baik dan cepat. Kalau tidak, ia berpotensi mencipta risiko dan peluang besar untuk berlaku jenayah rasuah dalam urus niaga perdagangan dalam semua peringkat.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan pihaknya menerima 1,871 maklumat berhubung dakwaan rasuah, penyelewengan

dan salah guna kuasa membabitkan PBT bagi tempoh 2014 hingga 12 Disember 2019. Sebanyak 126 kertas siasatan dibuka dengan tangkapan 73 individu, kebanyakannya membabitkan kesalah tuntutan palsu, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Secara keseluruhan, SPRM menahan 2,740 individu berumur 40 tahun ke bawah daripada 5,186 tangkapan sejak 2014 hingga 2019.

Bertepatan tema 'PBT Perangi Pemberi Rasuah', sokongan dan kerjasama orang awam menjadi pencetus semangat kepada SPRM dan agensi penguat kuasa lain terus melaksanakan tugas tanpa rasa gentar dalam menghadapi apa sahaja halangan.

Di negara ini, kita ada 149 PBT termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), iaitu 12 dewan atau majlis bandar raya; majlis perbandaran (39) dan majlis daerah (98).

Dapatkan kajian SPRM terhadap persepsi masyarakat menunjukkan hampir 82 peratus responden beranggapan pegawai dan anggota PBT di negara ini amalkan rasuah. Pemberi rasuah harus diperangi habis-habisan dengan segala saluran dan penguatkuasaan Akta SPRM sedia ada.

Terdapat juga beberapa badan diberi kuasa oleh kerajaan negeri untuk melaksanakan fungsi PBT seperti PBT Kulim Hi-Tech dan Perbadanan Putra-jaya (PPj).

PBT ialah kerajaan pada peringkat tempatan bertanggungjawab memberi perkhidmatan dan melaksanakan pembangunan ekonomi, sosial, fizikal serta persekitaran bandar mengikut sempadan pentadbiran diwartakan.

Di samping bertanggungjawab kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan berperanan memberi perkhidmatan seperti pembekal perkhidmatan, perancang tempatan, pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi serta perlindungan alam sekitar bandar, selain mengutip hasil cukai.

Ia juga membabitkan urusan perbandaran seperti pengeluaran pelesenan perniagaan dan penjaja, pengurusan lalu lintas dan parkir, pengiklanan, permit penutupan jalan serta aktiviti penguatkuasaan.

Bidang kuasa besar ini menyebabkan PBT sering terdedah risiko penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan rasuah. Ia juga bukan sahaja boleh membabitkan pemberi dan penerima rasuah, bahkan orang tengah.

Bagi mengatasi jenayah ini, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SPRM bersama agensi penguat kuasa lain memerlukan komitmen tinggi daripada PBT dalam usaha mentransformasikan agensi menjadi organisasi berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

Ia dibuat menerusi peraturan dalam sebagai rujukan lengkap bagi semua warga organisasi tanpa mengira kedudukan.

Majlis Perbandaran Taiping (MPT) muncul PBT pertama membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) tersendiri dalam usaha memerangi jenayah rasuah secara komprehensif.

Ini menunjukkan dan memperlihatkan komitmen warga MPT dalam me-

merangi rasuah, selain bertindak sebagai peringatan dan amaran kepada semua, bahawa PBT itu tidak menerima rasuah yang keji serta menjijikkan.

Dapatkan kajian SPRM terhadap persepsi masyarakat menunjukkan hampir 82 peratus responden beranggapan pegawai dan anggota PBT di negara ini mengamalkan rasuah. Pemberi rasuah harus diperangi habis-habisan dengan segala saluran dan penguatkuasaan Akta SPRM sedia ada.

Hasil kajian itu juga menunjukkan PBT sentiasa menduduki senarai teratas berbanding agensi lain dari segi persepsi negatif. Sekiranya tinjauan ringkas dilakukan, orang ramai sebagai responden, terutama peniaga masih memberikan persepsi tinggi terhadap PBT mengamalkan rasuah sedangkan mereka yang terbabit, sama ada memberi atau menerima mungkin kiranya 20 peratus sahaja.

Sudah pasti ia tidak adil kepada warga kerja PBT lain yang benar-benar mengamalkan budaya kerja berintegriti tinggi.

Tugas dan peranan PBT harus dilipatgandakan bagi mengadakan pertemuan dengan masyarakat di lapanan antara faktor penyumbang kepada pengurangan persepsi negatif terbabit. Setiap PBT perlu memperkasaan integriti organisasi dengan mengambil tindakan betul apabila berdepan kesalahan dan aduan rakyat agar tidak disalah anggap masyarakat.

Dalam usaha mengekang gejala rasuah dan salah laku dalam kalangan PBT, satu Suruhanjaya Pekerja Kerajaan Tempatan akan ditubuhkan dengan kaedah penggiliran penguat kuasa antara PBT.

Kaedah itu juga dilihat dapat membendung unsur salah laku dan rasuah dalam kalangan penguat kuasa PBT yang kini menjadi buah mulut masyarakat.

Menurut Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), dalam usaha memperkenalkan Suruhanjaya Pekerja Kerajaan Tempatan, ia akan menjadi suruhanjaya yang membolehkan PBT melaksanakan kaedah penggiliran pegawai melalui konsep 'internal PBT'.

Inisiatif ini juga dianggap pemangkin dalam usaha penyelesaian rasuah dan salah laku serta meningkatkan tingkatkan lagi prestasi mereka dan pengalaman bagi membolehkan pendekaran lebih luas dengan bertukar-tukar pengalaman PBT, selain mendapat pendedahan dan ilmu terkini.

Selamat menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa: PBT Perangi Pemberi Rasuah. Integriti hendaklah dihayati, bukan dinodai, akhirnya masyarakat, bangsa, agama dan negara rugi.

Penulis adalah Pengurus Besar Kanan, Bahagian Operasi, Institut Integriti Malaysia (IIM)

